

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBRS. PROF. MADYA DR. NORAZMIR MD NOR
TIMBALAN REKTOR HAL EHWAL PELAJAR
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**MEWAKILI
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN IHYA RAMADAN
1446H/2025M PERINGKAT UCS & CERAMAH
AMBANG RAMADAN**

**25 FEBRUARI 2025 | SELASA | 9.00 PAGI
DEWAN ANGGERIK SARI
ARAS 3, PLAZA SATELIT B
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis



**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

Al-Fadhil Ustaz Haji Lufti Fauzi bin Haji Sabari,
Ketua Unit Hal Ehwal Islam

YBrs. Puan Noor Alzura Alang Idris
Timbalan Bendahari Kanan
Selaku Timbalan Yang Dipertua 1 PEWANI

Da'ie Izzhar Nazri
Selaku Penceramah Jemputan

Barisan Pengurusan UiTM Cawangan Selangor

Barisan ahli Jawatankuasa Penganjur

Warga UiTM Cawangan Selangor, tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Terlebih dahulu, **mewakili Profesor Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor**, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir atas kesudian melapangkan waktu untuk turut sama menjayakan **Majlis Pelancaran Ihya Ramadan 1446H/2025M Peringkat Ucs & Ceramah Ambang Ramadan.**

2. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan izin-Nya diberi

kesempatan untuk kita berkumpul di **Dewan Anggerik Sari** pada pagi yang berbahagia ini.

3. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Penghulu segala Rasul, pembawa rahmat sekalian alam.
4. Terlebih dahulu, setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) atas penganjuran program pada pagi ini dengan kerjasama daripada Persatuan Wanita UiTM (PEWANI). Sekali lagi UHEI telah terkehadapan dalam menjayakan program kolaborasi di kampus.
5. Hari ini, kita sudah berada di penghujung Bulan Syaaban dan tidak lama lagi akan bertemu dengan bulan yang dinantikan iaitu Bulan Ramadan.
6. Saya menyeru diri sendiri dan Warga UCS agar kita sama-sama mengambil peluang di bulan ini untuk

mempersiapkan diri dan hati sebelum memasuki Bulan Ramadan yang dinanti.

7. Perbanyakkan mencari ilmu yang berkaitan, latih tubi diri untuk hidupkan malam (qiyamullail) agar di Bulan Ramadan dapat menyucikan roh yang akhirnya kita akan kembali kepada fitrah yang bersih pada Bulan Syawal.
8. Melalui program pada hari ini, saya berharap agar warga UCS dapat mengambil sebanyak mungkin ilmu dan tips persiapan Ramadan supaya matlamat pensyariatan puasa itu dapat diraih oleh kita di penghujung Ramadan.

Hadirin hadirat sekalian,

9. Saya difahamkan, UHEI telah merangka pelbagai program di sepanjang Ramadan ini bagi

mengimarrah dan menghidupkan suasana bulan yang mulia ini.

10. Besar harapan saya agar warga UCS dapat mengambil peluang dan ruang untuk sama-sama menghadirkan diri di setiap program yang dirancang.

11. Kebersamaan warga adalah keutamaan UiTM dalam menghasilkan warga yang berprestasi unggul.

Hadirin sekalian,

12. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru kepada warga UCS agar terus menerus memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan berimpak agar universiti kita kekal relevan dan menjuarai dunia. Dan tidak dilupa agar kekal

mengakar ke bumi supaya kita tidak lupa asal
usual kita.

13. Sekali lagi jutaan tahniah diucapkan kepada Unit
Hal Ehwal Islam diatas penganjuran program ini.
14. Tidak lupa, saya ucapkan setinggi-tinggi
penghargaan kepada rakan strategik UHEI atas
kerjasama penganjuran program ini.
15. Terima kasih kepada semua yang terlibat -
Semoga segala usaha dan pengorbanan yang
dilakukan diganjar dengan sebaik-baik ganjaran di
sisi Allah SWT.

Bulan Ramadan hampir tiba
Berpuasa itu tanggungjawab kita
Banyakkan beramal bekalan di sana
Moga hidup berkat hendaknya.

16. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan **Majlis Pelancaran Ihya Ramadan 1446H/2025M Peringkat UCS & Ceramah Ambang Ramadan.**

Sekian.

**Wabillahi taufiq walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**